


## 12. Bolehkah tinggalan mayat dikebumikan semula di luar Singapura?

- Waris yang bercadang untuk mengebumikan semula tinggalan mayat di luar Singapura boleh memohon bagi Permit Keranda untuk dieksporth, di alamat berikut:

Port Health Office  
National Environment  
4545 Jalan Bukit Merah Road  
Singapore 159466

Untuk pertanyaan, sila hubungi 6222 2585

- Perbelanjaan untuk mengeksporth tinggalan mayat akan dibiayai oleh waris.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di talian 6238 4504 atau melongsuri lelamen <http://www.pusara.sg>



Majlis Ugama Islam Singapura  
(Islamic Religious Council of Singapore)



## PENGGALIAN DAN PENGEBUMIAN SEMULA

## TANAH PERKUBURAN ISLAM CHOA CHU KANG,


## BLOK 6, 7\*, 8, 9, 19 & 20

PERSOALAN YANG SERING  
DIKEMUKAN/MAKLUMAT  
YANG INGIN ANDA TAHU

\*Penggalian di blok 7 melibatkan sebahagian kubur

## 1. Kubur manakah yang terjejas?

- Semua kubur Islam di Blok 6, 7\*, 8, 9, 19 & 20.
- Kubur-kubur yang terletak di luar blok 6, 7\*, 8, 9, 19 & 20 boleh juga digali sekiranya ia memenuhi syarat-syarat berikut:
- Mayat sudah dikebumikan sekurang-kurangnya 15 tahun pada 26 Sep 2018
- Mayat harus mempunyai kaitan dengan jenazah dari kubur di blok 6, 7\*, 8, 9, 19 & 20 seperti gambaran berikut;



## 2. Apa yang harus dilakukan pihak waris?

### Di mana pendaftaran dibuat?

- Di Masjid Pusara Aman, 11 Lim Chu Kang Road mulai 26 Sep 2017.
- Mulai 10 Okt 2017, waris boleh membuat temujanji secara online di [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg). Waris perlu hadir pada tarikh dan waktu yang dipilih.
- Pendaftaran dan pengesahan akan dilakukan pada hari yang sama, jika cuaca mengizinkan.
- Waris diberi tempoh 1 tahun untuk mendaftar. Ia akan ditutup pada 25 Sep 2018.
- Apa yang perlu dibawa?
- Kad Pengenalan (NRIC)
- Dokumen-dokumen yang relevan seperti Sijil Pengebumian, Kematian atau lain-lain

### Bila waktu operasi pejabat?

- Isnin - Khamis:  
0830 - 1230 - datang sendiri  
1330 - 1630 - temujanji secara online
- Jumaat:  
0830 - 1230 - datang sendiri  
1430 - 1630 - temujanji secara online
- Sabtu:  
0830 - 1200 - temujanji secara online
- Ditutup pada hari Ahad dan Cuti Umum
- Untuk keterangan lanjut mengenai pendaftaran, waris boleh hubungi kami di talian 6238 4504
- Bagaimana mengelak beratur panjang?
- Buat temujanji secara online di [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg)
- Waris juga boleh memantau kesesakan di pejabat pendaftaran secara online

## 3. Apakah proses pendaftaran dan pengesahan?

- Tiada pembayaran bagi penggalian kubur di Blok 6, 7\*, 8, 9, 19 & 20.
- Manakala bayaran \$80 (sebelum GST) akan dikenakan bagi setiap mayat yang dituntut daripada kubur yang tidak terjejas.
- Waris perlu mendapatkan kebenaran dari ahli keluarga sebelum membuat tuntutan.
- Proses pendaftaran dan pengesahan mengambil sekurang-kurangnya setengah jam, tidak termasuk masa menunggu dan perjalanan.
- Setelah selesai pendaftaran, pihak waris akan diberitahu mengenai tarikh penggalian yang dijadual bermula 26 Sep 2018. Pihak waris perlu menyaksikan penggalian tersebut.



## 4. Penggalian bermula pada 26 Sep 2018. Bagaimana jika saya terlupa tarikh penggalian?

- Waris dinasihatkan untuk menghubungi talian pejabat pendaftaran bagi pertanyaan dan pengesahan tarikh penggalian.

## 5. Jika waris tidak dapat hadir pada hari yang ditetapkan, bolehkah wakil dilantik untuk menyaksikan proses penggalian bagi pihak keluarga?

- Waris dikehendaki memberi notis bertulis kepada Muis atau datang sendiri ke pejabat di Masjid Pusara Aman selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh pengebumian semula. Anda juga boleh hantar e-mel ke Muis menerusi [info@pusara.sg](mailto:info@pusara.sg).

## 6. Apa akan dilakukan kepada batu nisan yang berkenaan?

- Batu nisan akan dibuang kecuali waris mahu mengambilnya.

## 7. Bagaimanakah sekiranya sesebuah kubur itu tiada yang menuntut?

- Kubur-kubur tersebut akan disenaraikan sebagai 'kubur yang tidak dituntut'.
- Ia kemudian akan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang.

## 8. Apa yang dilakukan kepada tinggalan mayat yang masih ada?

- Setiap tinggalan mayat akan dikafankan dengan kain putih secara berasingan dan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang.
- Tiada keperluan agama untuk membuat bacaan Talkin bagi tinggalan mayat.

## 9. Bagaimanakah tinggalan mayat dikebumikan semula?

Tinggalan mayat akan segera dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang selepas penggalian dan dikebumikan semula mengikut garis panduan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA):

- 8 mayat bagi setiap plot bagi mayat yang dituntut
- 16 mayat bagi setiap plot bagi mayat yang tidak dituntut

## 10. Bagaimanakah waris boleh mengetahui lokasi kubur yang dikebumikan semula?

- Waris akan dimaklumkan berhubung blok dan plot nombor oleh Muis.

## 11. Adakah waris yang menuntut harus pergi ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang?

- Waris digalakkan untuk hadir ketika penggalian dilakukan.
- Kesemua tinggalan mayat akan dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang pada hari yang sama penggalian dilaksanakan.
- Waris boleh menyaksikan pengebumian bagi tinggalan mayat yang telah digali